

03/08/2000

MAHA 2000 tonjolkan industri pertanian

Mohd Zin Ali; Nurul Hazren Masitom

PAMERAN Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2000 selama sembilan hari di Stadium Putra, Bukit Jalil yang berakhir Ahad lalu terbukti masih menerima sambutan menggalakkan meskipun pada awalnya wujud kebimbangan jumlah pengunjung mungkin jauh merosot.

Kira-kira 1.5 juta pengunjung menghadiri pameran berkenaan, berbanding lebih dua juta orang tahun lalu. Namun, mengambil kira MAHA 2000 berlangsung di luar musim cuti sekolah, sambutan kali ini dikira masih membanggakan.

Sekurang-kurangnya, ia masih membuktikan rakyat Malaysia masih belum melupakan kepentingan industri ini walaupun ekonomi negara sudah mula menunjukkan pemulihan.

Rata-rata orang ramai sebelum ini beranggapan MAHA 1999 yang dipulihkan selepas 31 tahun itu hanya mendapat sambutan kerana kegawatan masih dirasai kebanyakan rakyat Malaysia ketika itu. Ternyata pandangan itu tidak berasas.

Secara umumnya, pameran kali ini lebih menarik dengan menampilkan 300 gerai di dalam dan luar stadium dengan menyediakan pelbagai barangan keluaran hasil pertanian di tapak seluas 17,613 meter persegi.

Antara yang dipamerkan membabitkan teknologi peralatan, penyelidikan bioteknologi, benih, buah-buahan, herba, sayur-sayuran dan binatang ternakan.

Pameran kali ini menonjolkan proses transformasi industri pertanian yang mula beralih kepada penggunaan teknologi tinggi serta membabitkan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Dalam pada itu, di tengah-tengah kehangatan sambutan MAHA, pihak penganjur kesal dengan kewujudan ekspo pengguna di luar kawasan pameran yang diadakan pada masa yang sama.

Pengurus MAHA 2000, Latif Nasir, berkata 35 peratus pengunjung keliru dengan situasi itu kerana ramai menyangkakan ia adalah sebahagian daripada gerai MAHA.

Orang ramai yang enggan membayar RM3 untuk melawat pameran MAHA 2000 mungkin memilih ekspo berkenaan yang menawarkan kemasukan percuma.

Apa yang dikesalkan, pihak pengurusan MAHA kali ini memagar sekeliling kawasan luar Stadium Putra menyebabkan semua pengunjung yang ingin melawat pameran itu terpaksa membayar di pintu masuk. Tahun lalu, bayaran hanya dikenakan kepada mereka yang ingin memasuki dewan pameran manakala yang tidak mahu membayar masih berpeluang melawat pameran di luar Stadium Putra untuk menyaksikan sebahagian pameran.

Terdengar juga suara-suara sumbang yang mempertikaikan kepentingan MAHA mengenai sejauh mana ia mampu memberikan manfaat kepada petani, penternak dan nelayan. Adakah selepas ini mereka akan mempraktikkan cara pertanian baru untuk meningkatkan hasil pertanian dan penternakan? Bagaimana pula dengan program susulan selepas itu?

Walaupun tidak secara langsung, golongan petani, penternak dan nelayan sebenarnya boleh mempelajari kaedah pertanian terbaru hasil daripada R&D yang dijalankan institusi penyelidikan tempatan.

Adalah lebih baik kerajaan mahu pun pihak pengurusan MAHA menganjurkan kursus dan latihan kepada petani, penternak dan nelayan mengenai teknik baru dalam industri yang dapat meningkatkan hasil.

Sebagai contoh, mungkin selepas menyaksikan reban ayam yang dingin dan tidak mengeluarkan bau serta penggunaan buruh yang sedikit boleh membuka

minda penternak untuk mencuba teknologi berkenaan di tempat masing-masing. Sokongan ke arah memodenkan industri ini perlu dijalankan oleh kerajaan.

Di samping mendapat manfaat dengan pemindahan teknologi, ia juga adalah cara mengurangkan import makanan dari luar negara selain membuka peluang perniagaan kepada rakyat tempatan.

MAHA 2000 bukan saja mempamerkan pelbagai barangan pertanian, malah menampilkan pembaharuan apabila Kelab Niaga ditubuhkan bagi memperkenalkan kegiatan daripada perniagaan ke perniagaan.

Kelab terbabit mengenakan sedikit bayaran kepada pelawat perdagangan yang mendaftar dengan mendapat manfaat daripada program untuk memperkenalkan industri pertanian mereka.

Peranan kelab dapat dilihat apabila menyediakan kemudahan untuk menetapkan temujanji bagi wakil pasar raya besar, institusi kewangan, hotel serta pegawai perancang ekonomi Kerajaan Persekutuan dan negeri untuk mengadakan pertemuan.

Rakyat tempatan yang terdiri daripada kalangan peniaga, badan kerajaan dan swasta berpeluang bertukar fikiran dan menjalin usaha sama perniagaan dengan pelawat asing berkenaan.

Difahamkan, Kelab Niaga ini mempunyai prospek perniagaan bernilai antara RM2 juta hingga RM10 juta.

Antara pembaharuan yang boleh dibuat oleh penganjur MAHA untuk meningkatkan mutu pameran selepas ini ialah mempertimbangkan untuk menjemput pakar serta membawa teknologi terkini dari luar negara dalam industri pertanian.

Contohnya, hasil teknologi terkini dari Thailand. Industri pertanian Thailand sememangnya terkenal mempunyai teknologi terkini yang mampu menghasilkan tanaman dan buah bermutu tinggi.

MAHA 2000 turut menyaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menerima penghormatan apabila diisytiharkan sebagai Bapa Pertanian Moden Malaysia kerana sumbangan dan jasanya menghidupkan kembali sektor itu.

Beliau diangkat sebagai seorang pejuang utama pertanian kerana memperkenalkan Wawasan Pertanian Moden sehingga melonjakkan martabat sektor pertanian ke tahap lebih tinggi.

Secara umumnya, walaupun masih terdapat kekurangan, MAHA 2000 berjaya menonjolkan industri pertanian di negara ini mula mengorak langkah ke arah pemodenan dengan penggunaan teknologi terkini hasil R&D yang giat disokong kerajaan.

(END)